

Pelajar antara tokan dadah ditahan

Metro Ahad 11/12/2022 (Pag 4)

Kuala Lumpur: Tiga pelajar termasuk seorang tokan antara 4,177 individu yang ditahan kerana terbabit dalam aktiviti penagihan dan pengedaran dadah dalam serbuan Op Tapis Khas di seluruh negara.

Operasi dijalankan di Felda, Felcra, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Projek Perumahan Rakyat (PPR), jeti dan sarang penagih bermula 6 Disember hingga 8 Disember lalu oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman.

Setiausaha Polis Diraja Malaysia (PDRM) Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin berkata, pihaknya memeriksa seramai 4,878 orang dalam 680 pemeriksaan di seluruh negara.

Menurutnya, daripada jumlah itu, seramai 4,177 orang berusia 13 hingga 71 tahun ditahan atas pelbagai kesalahan dadah untuk siasatan.

"Mereka yang ditahan terdiri 484 tokan dadah di mana salah seorang masih belajar selain enam warga

asing.

"Manakala, seramai 1,982 orang ditahan kerana menagih dadah di mana lima orang adalah penjawat awam dan seorang lagi masih belajar," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Noorsiah berkata, seramai 307 orang ditahan kerana dikehendaki polis atas pelbagai kesalahan dadah dan 1,404 atas kesalahan lain-lain di mana daripada jumlah itu 177 warga asing dan seorang pelajar.

Menurutnya, dalam operasi itu, sebanyak 181.84 kilogram (kg) dan 1,003.12 liter pelbagai jenis dadah berjaya dirampas dianggarkan bernilai RM3,634,566

"Turut dirampas adalah senjata api, dua laras senapang buatan sendiri dan lima butir peluru hidup.

"JSJN juga menyita pelbagai aset dianggarkan bernilai RM612,563 antaranya wang tunai berjumlah RM32,663, barang kemas bernilai RM49,600 dan kenderaan bernilai RM530,300," katanya.

“
**Polis memeriksa
4,878 orang
dalam 680
pemeriksaan
seluruh negara**
Noorsiah